

3.11.2022

Siaran Media

SEKURITI BEKALAN AIR ADALAH KEUTAMAAN PENTING KEPADA PULAU PINANG DAN PBAPP

- **Kehidupan harian dan perniagaan di Pulau Pinang bergantung kepada perkhidmatan bekalan air yang selamat.**
- **Sejak 2013, Pasukan Polis Bantuan PBAHB seramai 173 orang telah berusaha melindungi semua pemasangan (*installations*) bekalan air bagi menyokong perkhidmatan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Khamis, 3.11.2022: Sejak 2013, pasukan polis bantuan, terdiri daripada 173 anggota diketuai penolong penguasa polis (ASP), telah bekerja sepanjang masa untuk melindungi pemasangan bekalan air Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, memuji pasukan polis bantuan PBA Holdings Bhd (PBAHB) yang menjalankan tugas mereka dengan baik.

“Sejak 9 tahun lalu, tiada isu keselamatan yang serius berlaku dalam pemasangan bekalan air Pulau Pinang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perbarisan Pemakaian Pangkat dan Logo Polis Bantuan Pasukan Polis Bantuan PBAHB di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di sini hari ini.

Majlis ini menyaksikan pelantikan 39 konstabel yang telah menamatkan latihan asas di Pusat Latihan Polis (PULAPOL); kenaikan pangkat seorang sarjan-mejar; kenaikan pangkat kopersal kepada sarjan; dan kenaikan pangkat 3 orang konstabel kepada kopersal.

Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin berkata petunjuk prestasi utama Pasukan Polis Bantuan PBAHB ialah menyediakan perkhidmatan keselamatan 24/7 di:

- Muka sauk Lahar Tiang;

- Terusan Sungai Dua sepanjang 14km;
- Empangan Mengkuang, Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam;
- 9 loji rawatan air (termasuk LRA Sungai Dua);
- 9 rumah pam utama;
- 58 kolam air terawat;
- 3 kompleks operasi; dan
- 9 pusat khidmat pelanggan.

“Ketika menjaga premis-premis ini, mereka juga perlu mesra pelanggan kerana PBAPP adalah syarikat perkhidmatan awam yang penting. Saya harap mereka akan terus menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab demi kebaikan Pulau Pinang dan rakyatnya,” tambah beliau.

Pusat Kawalan Sistem CCTV Polis Bantuan

Pasukan Polis Bantuan PBAHB turut melancarkan Fasa 1 Pusat Kawalan kamera litar tertutup (CCTV) Seberang Perai di LRA Sungai Dua hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd yang akan bersara, Dato’ Seri Ir. Jaseni Maidinsa berkata pengoperasian Pusat Kawalan CCTV baharu ini akan mempertingkatkan lagi pemantauan “masa nyata” PBAPP terhadap pemasangan bekalan air utama di Seberang Perai.

“Kehidupan harian dan perniagaan di Pulau Pinang bergantung kepada perkhidmatan bekalan air yang selamat. Kita mesti meminimumkan risiko gangguan bekalan air tidak berjadual yang berkaitan dengan pencerobohan, pencemaran air, perbuatan khianat, sabotaj atau kemalangan lain.

“Oleh itu, kita mesti memanfaatkan teknologi terkini untuk memastikan semua premis yang kita uruskan terus selamat, 24/7. Pusat Kawalan CCTV ini akan membantu kita untuk sentiasa mengawasi pemasangan utama kita di Seberang Perai dan berfungsi sebagai penghalang kepada yang ingin melakukan kesalahan.

“Kami akan terus memperkembangkan dan memperluaskan liputan CCTV kami di seluruh Pulau Pinang untuk menyediakan tahap sekuriti dan perkhidmatan keselamatan yang lebih tinggi, serta untuk mengoptimumkan atur gerak anggota,” katanya.

Dato' Seri Ir. Jaseni berkata PBAPP telah membuat pelaburan besar dalam aspek keselamatan bekalan air untuk melindungi kepentingan 1.77 juta penduduk dan semua perniagaan yang beroperasi di Pulau Pinang.

“Disebabkan tugas yang dijalankan dengan baik oleh PBAPP, rakyat dan perniagaan di Pulau Pinang cenderung untuk mengambil mudah perkhidmatan bekalan air yang berterusan. Bagaimanapun, sebarang gangguan bekalan air tidak berjadual di Pulau Pinang sudah pasti akan menyebabkan kemarahan orang ramai, kesulitan dan kerugian perniagaan.

“Kami sentiasa mengutamakan langkah pencegahan, termasuk meningkatkan sekuriti bekalan air. Sejak 1999, falsafah korporat kami sentiasa merancang lebih awal ...untuk seboleh mungkin mengelakkan krisis air. Namun, apabila berlaku kejadian yang tidak diduga, tugas kita adalah untuk memberi respons secepat mungkin,” tambah beliau.

Beliau juga berharap orang ramai dan pengguna air di Pulau Pinang akan terus bekerjasama dengan Pasukan Polis Bantuan PBAPP, ujar beliau lagi.

“Respons keselamatan yang efektif memerlukan pelaporan tepat pada masanya. Anggota kita tidak boleh berada di semua tempat pada masa yang sama. Justeru, jika anda melihat atau ternampak apa-apa yang ganjil atau tidak betul, sila ambil foto atau video dan laporkan kepada kami dengan segera, menggunakan aplikasi mudah alih “myPBA” atau hubungi talian hotline 24 jam kami di 04-255 8 255.

“Tindakan anda yang bertanggungjawab mungkin membantu kita untuk mengelakkan gangguan bekalan air besar-besaran di Pulau Pinang,” kata beliau.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my